

---

## **SIARAN MEDIA**

### **MyCC MENYIASAT SYARIKAT INSURANS AM BAGI PELANGGARAN PENETAPAN HARGA**

**Kuala Lumpur, 20 Oktober 2016** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat beberapa syarikat insurans am termasuk persatuan yang berkenaan kerana didakwa terlibat dalam perjanjian anti-persaingan di dalam industri pembaikan kenderaan di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Dato' Abu Samah Shabudin, menyatakan, "Siasatan dijalankan ke atas aktiviti-aktiviti komersil yang berlaku diantara bengkel-bengkel pembalikan kenderaan dan syarikat insurans am terutamanya yang berkaitan diskaun terhadap harga alat ganti kereta bagi kenderaan tertentu serta kadar bayaran buruh yang perlu dibayar kepada bengkel-bengkel tersebut."

Mengikut Akta Persaingan 2010 (Akta), perjanjian-perjanjian yang disifatkan sebagai anti-persaingan termasuk perjanjian penetapan harga dalam pasaran dimana perusahaan-perusahaan bersaing. Bab 1 dalam Garis Panduan MyCC berkenaan Larangan: menyatakan bahawa perjanjian anti-persaingan merangkumi penetapan harga termasuk penetapan sesuatu harga dan penetapan elemen harga seperti penetapan diskaun, penetapan peratusan kenaikan harga atau penetapan harga minima dan maksima antara pesaing.

MyCC akan terus memantau aktiviti persatuan , termasuk badan-badan profesional untuk memastikan kesemua perusahaan berkaitan tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran dan melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta. Pelanggaran di bawah Akta boleh menyebabkan perusahaan dikenakan penalti kewangan sebanyak 10% daripada perolehan seluruh dunianya sepanjang tempoh pelanggaran.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: izan@mycc.gov.my

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (ext 703), Email: nurhafizah@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)